

# Cecair vape bernilai RM2 juta dirampas

Oleh ROHANA MOHD. NAWI

**KOTA BHARU** – Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 8 merampas pelbagai jenis cecair vape yang dipercayai akan diseludup ke negara jiran bernilai hampir RM2 juta di hadapan sebuah pasar raya di Rantau Panjang petang kelmarin.

Pegawai dan anggota PGA Batalion turut menahan seorang lelaki berusia dalam lingkungan 30-an dipercayai penyeludup ketika menjalankan tugas Ops Benteng Covid di kawasan itu kira-kira pukul 6 petang.

Pegawai Pemerintah Batalion 8 PGA, Suprintendan Muhammad Shamsuddin berkata, sebelum menjalankan rampasan, pihaknya melihat sebuah lori yang dipandu lelaki terbabit berada di tepi dalam keadaan mencurigakan.

Beliau berkata, anggota PGA kemudian melakukan pemeriksaan di bahagian belakang lori tersebut.

“Kita telah menemui 50 kotak besar yang mengandungi botol cecair vape yang disyaki mengandungi cecair nikotin.

“Hasil pemeriksaan mendapati kotak-kotak itu disembunyikan di dalam lori bersama barangan runcit yang dipercayai untuk diseludup ke negara jiran,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Muhammad berkata, 50 kotak itu mengandungi 28,100 botol cecair vape kandungan berlainan dengan nilai hampir RM2 juta.

Katanya, suspek dan barang rampasan diserahkan kepada Cawangan Penguatkuasa Farmasi, Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan untuk tindakan lanjut.

Sehubungan itu, tambahnya, PGA Batalion 8 akan terus mempertingkatkan kawalan di sempadan terutamanya di semua



**PELBAGAI** jenis cecair vape bernilai RM2 juta yang disembunyikan bersama barangan runcit dalam sebuah lori dirampas oleh PGA Batalion 8 di Rantau Panjang kelmarin.



**KESEMUA** barang rampasan diserahkan kepada Cawangan Penguatkuasaan Farmasi dan Jabatan Kesihatan Kelantan kelmarin.



Hasil pemeriksaan mendapati kotak-kotak itu disembunyikan di dalam lori bersama barangan runcit yang dipercayai untuk di seludup ke negara jiran. ”

**MUHAMMAD SHAMSUDDIN**

pangkalan haram di sepanjang Sungai Golok bermula dari Rantau Panjang ke Pengkalan Ku-

bor, Tumpat.

Kes disiasat mengikut Seksyen 13(a) Akta Racun 1952.